

Khalid Samad tuntut penjelasan

SHAH ALAM - Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad meminta semua pihak yang terlibat dengan kelulusan pembangunan di enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur tampil memberikan penjelasan lanjut.

Menurutnya, kelulusan berkenaan tiada dalam pergetahuananya memandangkan beliau tidak terlibat dalam membuat keputusan berkenaan, namun penjelasan mengenai kewajaran sebalik keputusan itu harus diberikan.

"Pihak-pihak yang terlibat boleh memberikan penjelasan, apa alasan atau pertimbangan sehingga kelulusan itu diberikan."

"Mungkin pada ketika itu Terowong SMART (Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir) sudah ada, jadi topografi dan hidrologi sudah berubah atau mungkin pada masa itu, kolam takungan jadi tidak sepenting ini lagi, itu saya tidak tahu."

"Dalam setiap pembangunan yang ingin dilakukan, kelulusan itu mesti bergantung kepada penilaian teknikal dari semua aspek."

"Mungkin dari aspek ini ia sudah diberikan kelulusan oleh pihak yang berautoriti termasuklah pihak yang membuat kajian," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 yang kembali tular di media sosial, susulan pendekatan laporan enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur telah diluluskan untuk tujuan pembangunan.

Khalid yang juga Ahli Parlimen Shah Alam berkata, bagi menjawab persoalan ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan konsultan yang terlibat serta pihak pemaju mesti memberikan penjelasan sewajarnya agar isu kelulusan dalam kelulusan ini terjawab.

Namun, jika berlaku pelanggaran atau unsur penyalahgunaan kuasa, pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia perlu melakukan siasatan.


KHALID ABD SAMAD

Gesa siasat DBKL

Berhubung isu projek pembangunan di kawasan kolam takungan banjir

Oleh FARAH SHAZWANI ALI dan NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) mendesak agar satu kertas siasatan segera dibuka terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkaitan isu kelulusan 943 projek di enam kawasan kolam takungan banjir yang tidak selaras dan melanggar pelan asal jabatan tersebut.

Menurut Presiden MCW, Jais Abdul Karim, isu berkenaan amat serius kerana ia membabitkan keselamatan orang ramai khususnya warga kota jika tiada tindakan segera oleh pihak berwajib.

"Suruhannya adalah Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu membuka kertas siasatan secepat mungkin kerana kita perlu tahu adakah kelulusan itu mengikut saluran yang betul."

"Jika benar keenam-enam kawasan kolam tadian banjir diberi kebenaran untuk pembangunan, maka ia adalah tanda-tanda bencana besar mungkin melanda pada masa depan."

"Kita tidak boleh biarkan kawasan rizab digunakan untuk tujuan pembangunan walaupun apa alasan sekalipun kerana keselamatan penduduk adalah



Kolam takungan banjir dirancang bagi meminimumkan kesan bencana kepada penduduk.

lebih penting," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2, enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur telah diluluskan pemberimpilikan bagi tujuan pembangunan kediaman dan pembangunan bercampur.

Kolam yang terlibat adalah di kawasan Batu Nanyang, Delima, Taman Wabu, Batu 4½ dan Taman Desa.

Ia sekali gus mencetuskan kemarahan ramai kerana tukar guna ini bukan sahaja menjaskan kapasiti kolam takungan banjir, malah merentangkan keseluruhan sistem operasi Tebatan Banjir Kuala Lumpur dan mendedahkan ibu kota kepada risiko berlakunya bencana banjir yang lebih kerap.



Laporan tersebut turut mendakwa untuk tempoh yang sama dari tahun 2015 hingga 2020, Kuala Lumpur mengalami banjir kiat sebanyak 48 kali.

Dedah laporan itu lagi, prestasi zon guna tanah bandar raya Kuala Lumpur pada tahun 2020 tidak tercapai sepenuhnya seperti yang ditetapkan dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBRKL) 2020.

Sementara itu, Setiausaha Agung Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda), Amira Aisyah Abd Aziz turut mendesak supaya satu siasatan menyeluruh dijalankan khususnya terhadap DBKL.

Menurut Amira dalam satu harangan video di Twitter beliau, apabila kolam takungan ditukar fungsi, air tidak dapat ditakungkan sehingga menyebabkan ia melimpah ke kawasan perumahan serta bandar, seterusnya mendatangkan banyak kesan terhadap alam sekitar, antaranya banjir kilat.

JADUAL WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:14	7:28	1:24	4:44	7:15	8:30
ALOR SETAR	6:15	7:26	1:24	4:44	7:15	8:30
PULAU PINANG	6:14	7:25	1:23	4:45	7:17	8:32
IPOH	6:10	7:21	1:21	4:44	7:16	8:31
KOTA BHARU	6:07	7:21	1:16	4:37	7:08	8:19
KUALA TERENGGANU	6:02	7:15	1:12	4:34	7:06	8:20
KUANTAN	5:59	7:12	1:13	4:36	7:10	8:25
KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA	6:06	7:17	1:19	4:41	7:16	8:30
SHAH ALAM	6:06	7:16	1:19	4:41	7:16	8:30
SEREMBAN	6:02	7:15	1:17	4:40	7:15	8:30
BANDAR MELAKA	6:01	7:14	1:16	4:39	7:15	8:29
JOHOR BAHRU	5:53	7:07	1:10	4:34	7:10	8:24

* PENGURUSI, PENGARAH URUSAN DAN PENERBIT: DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HJ YAACOB
• KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GROUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARAH KUMPULAN/KETUA PEGAWAI PENGISIAN: ROZAID RAHMAN
• PENGARAH EKSEKUTIF (DIGITAL): RUZY ADILA IDRIS • PENGARAH BERITA: ZAMRI RAMBLI, JUNHAIRI ALYASA
• TIMBALAN PENGARAH BERITA: DING BOON TECK, BADRULIN ZAKARIA, ZUKI PILEH • KETUA JABATAN IKLAN: AIROL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

* Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 * Dicetak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 * Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) * E-mel: editorsh@sinarharian.com.my

Kelulusan bukan pada zaman PH - Fahmi Fadzil

SHAH ALAM- Pembangunan di enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur seperti didedahkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 bukan diluluskan pada zaman Pakatan Harapan (PH).

Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fahmi Fadzil menjelaskan, Kolam Takungan Taman Desa yang disebut dalam laporan itu telah diberi milik pada 12 Jun 2018, sedangkan Ahli Parlimen daripada PH, Khalid Abdul Samad dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan pada 2 Julai 2018. Sehubungan itu, katanya, persoalan

mengenai kelulusan pemberi milikan kolam-kolam takungan banjir dari tahun 2015 hingga 2020 boleh dijawab oleh beberapa pihak lain.

"Menteri Wilayah Persekutuan sebelum ini ialah Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (2013-2018), Tan Sri Annuar Musa (Mac 2020-Ogos 2021) dan Datuk Seri Shahidan Kassim (kini)."

"Jika tamah itu milik Persekutuan, isu ini boleh dijelaskan Ketua Setiausaha Negara pada masa itu iaitu Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Tan Sri Mohd Zuki Ali serta Datuk-Datuk Bandar Kuala Lumpur," katanya.



22

PAHANG

Bomba
tangguh SAR
cari warga
emas hilang

24

KELANTAN



Pemuda maut
ditetak abang
murung selepas
bercerai



25

NEGERI SEMBILAN

Beruang
matahari maut
dilanggar
kenderaan

N ASIONAL



Penduduk risau kesan pembangunan

Kolam takungan tak capai sasaran sebenar

Oleh NORAFIZA JAAFAR dan RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

Kolam takungan yang sepertinya dibangunkan bagi tujuan tebatan banjir tidak mencapai objektif apabila sebahagian kawasan tersebut ditukar kepada projek pembangunan.

Bekas Pengurus MC Villamas 1, Vincent Yap berkata, situasi tersebut berlaku di kolam takungan Nanyang, Wahyu dan Delima di sini selepas dua projek perumahan mega dibangunkan di kawasan tersebut.

Menurutnya, salah satu projek telah siap dan diidudi pada 2017 manakala satu lagi projek dalam pembinaan selain beberapa kawasan lagi dalam proses pembangunan.

"Penduduk telah menyuarakan kebimbangan terhadap pembangunan dan kesan terhadap alam sekitar. Bantahan juga dikemukakan kepada DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) tetapi kebenaran perancangan masih diluluskan.

"Suara kami tidak didengari



CHOW KUAN



Vincent menunjukkan paras limpahan air pada kolam Delima sewaktu Lembah Klang dilanda hujan berterusan selama dua hari bermula 17 Disember lalu.

dan perbincangan bersama pihak berwajib juga tiada tindakan sehingga banjir melanda 18 Disember lalu. Banyak pihak mula membuka mata mengenai pentingnya sistem saliran dan kolam takungan banjir berfungsi se-penuhnya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Anak jati Sentul itu memberitahu, kolam takungan Nanyang, Wahyu dan Delima yang dibangunkan bagi saliran ke Sungai Jinjang itu melimpah ketika hujan berterusan selama dua hari.

"Mujur kawasan ini tidak mengalami banjir teruk seperti


di Shah Alam dan Seri Muda, Selangor," ujarnya.

Katanya, pihak berkepentingan termasuk DBKL serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu mengadakan perbincangan secara teliti berhubung perkara itu.

Tambahnya, sebagai penduduk beliau bimbang kejadian di Seri Muda akan berlaku di Kuala Lumpur.

"Saya masih ingat hasrat seorang Datuk Bandar Kuala Lumpur mahu menjadikan Kuala Lumpur sebagai KL City yang bandar berkelas dunia.

"Bandar berkelas dunia itu bukan pakai nama sahaja tetapi perlu ada sistem pengurusan yang berkualiti. Jangan KL City gah pada pembangunan tapi apabila hujan menjadi flood city," katanya.



Kolam takungan Nanyang.

Kolam takungan Delima.

Sementara itu, Pengurus Badan Pengurusan Bersama Lakeville Residence, Law Chow Kuan berkata, hujan berterusan baru-baru ini menyebabkan limpahan air dari kolam Delima ke tebing kawasan perumahan yang didudukinya.

"Kawasan rumah kami turut terjejas namun tidak serius. Sebagai penduduk pastinya kami risau dan berharap ada tindakan awal bagi mengelak kejadian yang lebih serius.

"Projek pembangunan akan

datang di sekitar kolam takungan ini juga membimbangkan kami. Kami tidak tahu apa akan terjadi selepas projek itu siap nanti," katanya.

Beliau turut meluahkan kegusaran susulan kolam takungan itu dipenuhi sampah dan pernah dibangkitkan sebelum ini.

"Kolam tersebut mempunyai sistem filter sampah dan sampah banyak terkumpul. Itu juga salah satu punca berlaku limpahan air selain faktor hujan berterusan pada hari kejadian," ujarnya.

Kolam takungan banjir tak patut dibangunkan - Pakar

SHAH ALAM - Kawasan kolam takungan banjir tidak patut diluluskan untuk tujuan pembangunan sekiranya tiada kawasan kolam tahanan gantian kerana impak buruk yang bakal ditanggung masyarakat akibat bencana pada masa akan datang.

Pensyarah seni bina daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mazlan Mohd Tahir berkata, kolam takungan banjir yang telah digazetkan sebaiknya dikekalkan tujuan guna asal kerana manusia tidak dapat meramalkan bencana masa depan malah pembangunan yang lebih pesat memerlukan kolam takungan yang lebih besar untuk menangani isu banjir.

Menurutnya, kolam takungan ialah

kolam buatan kekal dan berfungsi sebagai satu pengurusan saliran mesra alam untuk menyimpan air larian, menggalakkan pemandan dan mencegah banjir.

"Lazimnya kolam takungan diwujudkan di kawasan di mana bangunan baharu, jalan raya dan tempat letak kereta dibina.

"Kolam takungan direka bentuk untuk mengendalikan kemasian air yang panas daripada hujan lebat berterusan.

"Jadi kalau sesuatu tempat itu telah digazetkan sebagai kolam takungan banjir, sece洛nya dielakkan dibuat pembangunan.

"Masih banyak kawasan lain yang boleh dibangunkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Mazlan menjelaskan, jika kawasan takungan banjir itu tetap mahu dibangunkan, perlu disediakan kolam takungan banjir gantian bagi mengelak banjir.

Ditanya tentang faktor sesuatu projek di kawasan kolam takungan banjir boleh diluluskan, Mazlan memberitahu, kemungkinan ada peraturan atau justifikasi yang telah ditetapkan kepada pemaju untuk dipenuhi hasil kajian yang dilakukan.

Kata beliau, peraturan itu mengambil kira aliran air di kawasan terbabit dan keperluan untuk meninggikan kawasan berkenaan dengan penambakan tanah agar ia tidak ditenggelami air selain mengambil kira reka bentuk bangunan.



EK ELEH © 2021 Sinar Harian